# GARIS PANDUAN





## PENGURUSAN KEJOHANAN BALAPAN DAN PADANG (OLAHRAGA) DI SEKOLAH





BAHAGIAN SUKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

© Bahagian Sukan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Mei 2010

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan atau mencetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Pengarah, Kementerian Pelajaran Malaysia. Perundingan tertakluk pada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah.

ISBN 978-983-2772-57-6

1. Athletics-Handbooks, manuals, etc. 2. Track-athletics-Handbooks, manual, etc.
3. Sports administration-Handbooks, manuals, etc. 4. School sports-Handbooks, manuals, etc.

796.42069



# Kata Alu-Aluan

## MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

Assalamu'alaikum warahmatullahiwabarakatuh
dan Salam 1Malaysia

Penyertaan semua murid sekurang-kurangnya dalam satu sukan adalah faktor yang dapat mengembalikan kegemilangan sukan di sekolah. Oleh itu, Dasar 1Murid 1Sukan yang diperkenalkan dan akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2011, akan dapat menjanakan pelbagai aktiviti sukan di sekolah berdasarkan kemampuan, kreativiti serta inovasi guru dan murid.

Olahraga merupakan teras kepada aktiviti sukan di sekolah yang secara tradisinya akan dianjurkan setiap tahun. Sebagai acara penting yang sepatutnya menjadi tunjang kepada aktiviti sukan di sekolah, maka olahraga perlulah dikelolakan dengan terancang dan sempurna serta pada masa yang sesuai.

Oleh itu, buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* yang diterbitkan ini akan dapat membantu pihak sekolah mengelolakan acara ini dengan baik dan teratur. Dokumen ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk menganjurkan dan melaksanakan acara sukan seperti penubuhan jawatankuasa dan peranannya, peraturan pertandingan, bilangan pegawai teknik, peralatan, ukuran balapan dan sebagainya.

Saya juga percaya dan penuh yakin bahawa buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* ini akan dapat memudahkan pihak sekolah untuk merencanakan dan mengatur aktiviti sukan. Hal ini juga akan dapat menjanakan kegemilangan sukan semula di sekolah selaras dengan hasrat Dasar 1Murid 1Sukan.



**YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN**
**Timbalan Perdana Menteri**
**Merangkap Menteri Pelajaran Malaysia**



# Kata Alu-Aluan

## KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamu'alaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, ucapan tahniah kepada Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia atas kejayaan penerbitan buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* yang julung kalinya diterbitkan sebagai panduan kepada sekolah di Malaysia.

Aktiviti sukan telah pun dijadikan fokus dalam sistem pendidikan pada hari ini. Aktiviti sukan juga akan menjadi aktiviti yang wajib dijalankan sepanjang tahun. Pihak yang terlibat dalam pengurusan sukan di sekolah seharusnya merancang, mengurus dan melaksanakan kegiatan ini secara sistematik, cekap dan berkesan berlandaskan kepada keilmuan dan kemanusiaan.

Saya yakin usaha menerbitkan buku ini boleh dijadikan contoh dan panduan kepada guru untuk mengurus serta melaksanakan kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di sekolah masing-masing. Penghasilan buku ini secara langsung akan mewujudkan satu ruang dan peluang kepada guru menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menjayakan kejohanan sukan olahraga di sekolah.

Harapan saya penerbitan buku ini boleh dijadikan panduan dan menyemarakkan lagi kemeriahan kejohanan olahraga di peringkat sekolah selaras hasrat Dasar 1Murid 1Sukan.

**DATO' ABD GHAFAR BIN MAHMUD**



# Kata Alu-Aluan

## PENGARAH BAHAGIAN SUKAN

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Kejohanan olahraga sekolah merupakan suatu wahana untuk mencapai wawasan negara dalam pembudayaan sukan dalam kalangan murid sekolah. Budaya sukan dalam kalangan murid adalah untuk memperlengkap kecemerlangan sistem pendidikan bagi melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek ke arah pembinaan ngara bangsa Malaysia.

Penggubalan, pembaharuan dan pengemaskinian buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* merupakan antara proses penting bagi meningkatkan kualiti mutu sukan sekolah dan atlet murid bagi memperkembang potensi dan bakat murid dalam bidang olahraga.

Usaha mendokumentasikan garis panduan berserta pelbagai strtegi dan pelan tindakan merupakan satu langkah yang berkesan bagi menyebarkan dan memberikan pemahaman yang jelas kepada semua pihak yang terlibat, khususnya guru dan pegawai sukan untuk sama-sama menggembleng tenaga untuk menjayakan kejohanan olahraga sekolah.

Bahagian Sukan mengharapkan agar buku garis panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak yang telibat dalam proses perancangan dan pelaksanaan kejohanan olahraga sekolah.

Saya juga menaruh kepercayaan bahawa buku ini akan menjadi sumber rujukan dan panduan penting kepada warga pendidik dan masyarakat umum untuk memahami hasrat Kemanterian Pelajaran Malaysia demi memeriahkan sukan sekolah dan meningkatkan mutu penganjuran kejohanan olahraga sekolah.

**EE HONG**
Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pelajaran Malaysia

# PENGHARGAAN

Penghasilan buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* ini banyak melibatkan pihak tertentu. Pihak kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang banyak memberikan sumbangan sehingga buku ini dapat diterbitkan untuk kegunaan dan panduan pihak sekolah. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ini kami tujukan kepada semua yang terlibat.

- Puan Ee Hong – Pengarah Bahagian Sukan
- Encik Jame Alip – Mantan Pengarah BSSK
- Pegawai-pegawai – Bahagian Sukan
- Semua Ketua Unit Sukan Negeri
- Unit Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
- Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM)
- Pengerusi Teknik dan Pembangunan Balapan dan Padang MSS Negeri dan MSSM
- Pengerusi Teknik dan Pembangunan Balapan dan Padang MSSM
- Jurulatih Olahraga (guru)
- Pengetua dan Guru Besar di 100 buah sekolah kajian rintis buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* ini.

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| *Kata Alu-aluan YAB Menteri Pelajaran Malaysia* | *iii* |
| *Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia* | *iv* |
| *Kata Alu-aluan Pengarah Bahagian Sukan* | *v* |
| *Penghargaan* | *vi* |
| *Kandungan* | *vii* |
| *Pengenalan* | *viii* |
| Pendahuluan | 1 |
| Struktur Sukan di Sekolah | 1 |
| Peraturan Pertandingan | 2 |
| Jawatankuasa Kecil (JKK) yang Perlu Diwujudkan | 2 |
| Acara-acara yang Dicadangkan untuk Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah | 11 |
| Bilangan Pegawai Teknik yang Diperlukan | 13 |
| Bilangan Pembantu Teknik (Murid) | 14 |
| Jenis dan Bilangan Peralatan yang Diperlukan | 14 |
| Peralatan dan Kemudahan Acara Belapan | 17 |
| Protokol Majlis Pembukaan/Penutupan Rasmi Kejohanan | 24 |
| Jemputan Tetamu Kehormat | 25 |
| Mesyuarat Post-Mortem | 25 |
| Pembinaan Balapan Olahraga | 26 |
| Sukan Tara | 30 |
| Lampiran 1: Surat Pekeliling Bil. 1/1989 | 35 |
| Lampiran 2: Cadangan Struktur Organisasi Majlis Sukan Sekolah | 38 |
| Lampiran 3: Cadangan Pembahagian Dalam Pasukan Rumah Sukan | 40 |
| Lampiran 4: Ukuran, Sektor, Alatan dan Trek | 42 |
| Lampiran 5: Peraturan Olahraga | 79 |
| Lampiran 6: Borang Teknikal | 92 |
| Lampiran 7: Cadangan Pengisian Perasmian/Penutupan Kejohanan Olahraga | 111 |
| Lampiran 8: Contoh Surat | 114 |
| *Indeks* | 122 |

# PENGENALAN

Buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* ini disediakan sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk mengendalikan Kejohanan Balapan dan Padang di Sekolah. Kandungan buku ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu pendahuluan, peraturan pertandingan, Jawatankuasa-Jawatankuasa kecil, teknikal pertandingan, sukan tara dan lampiran. Bahagian pengenalan memperkenalkan serba sedikit mengenai olahraga dan strukur sukan di peringkat sekolah. Bahagian peraturan pertandingan pula menyatakan tentang peraturan balapan dan padang yang digunapakai dalam kejohanan Balapan dan Padang Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). Bahagian jawatankuasa-jawatankuasa kecil pula memperincikan peranan setiap jawatankuasa yang ditubuhkan bagi mengendalikan kejohanan olahraga sekolah.

Bahagian teknikal pertandingan menerangkan acara-acara yang dicadangkan bagi sekolah rendah dan menengah, bilangan pegawai teknik dan pembantu pegawai teknik, peralatan dan ukuran balapan serta sektor padang. Bahagian sukan tara pula menerangkan bagaimana contoh sukan tara dijalankan di sekolah sebelum kejohanan sebenar dijalankan.

Bersama buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* ini di sertakan bersama lampiran-lampiran yang boleh digunakan sebagai rujukan bagi acara balapan (150 meter, 200 meter, 300 meter dan 400 meter) dan sektor acara padang. Contoh-contoh surat, borang-borang kejohanan serta pengisian majlis pembukaan dan penutupan rasmi kejohanan.

Semoga buku *Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah* ini dapat membantu para guru menjalankan Kejohanan Balapan dan Padang di sekolah dengan lebih berkesan. Walaupun bagaimanapun, buku ini hanya sebagai panduan sahaja. Pihak sekolah khasnya guru boleh mengunakan daya kreativiti dan daya usaha masing-masing berdasarkan persekitaran dan kesesuaiannya.

# PENDAHULUAN

Olahraga merupakan induk kepada semua jenis sukan. Nama olahraga berasal daripada perkataan Greek *athlos* yang bermaksud "bertanding". Olahraga boleh dibahagikan kepada acara balapan dan acara padang.

Acara balapan terdiri daripada acara pecut (100 m, 200 m dan 400 m) acara jarak sederhana (800 m, 1500 m, 3000 m, dan 3000 m berhalangan), acara jarak jauh (5000 m dan 10 000 m), lari berpagar wanita (100 m), lari berpagar lelaki (110 m), lari berpagar lelaki dan perempuan (400 m), dan lari berganti-ganti (4 × 100 m, 4 × 200 m, dan 4 × 400 m).

Acara padang terdiri daripada acara lompatan (lompat jauh, lompat tinggi, lompat bergalah dan lompat kijang) dan acara balingan (melontar peluru, merejam lembing, melempar cakera dan membaling tukul besi).

Acara-acara lain pula ialah berjalan kaki (5 kilometer, 10 kilometer, 20 kilometer dan sebagainya), acara separa maraton (21.0975 kilometer), maraton (42.195 kilometer), heptatlon (7 acara untuk wanita) dan dekatlon (10 acara untuk lelaki).

Kejohanan olahraga sekolah merubahkan satu aktiviti sukan yang penting dalam kalendar sekolah dan melibatkan penyertaan murid secara menyeluruh. Setiap sekolah perlu berusaha membangunkan dan membudayakan aktiviti sukan dalam kalangan warga sekolah agar institusi sekolah dapat berfungsi untuk mengembangkan potensi murid secara seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Penglibatan murid dalam sukan dapat memupuk semangat kerjasama, patriotik dan bersatu padu dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1989 (Lampiran 1) menegaskan bahawa penyertaan murid dalam kegiatan sukan diwajibkan. Setiap murid perlu mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam satu jenis permainan atau olahraga. Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu memperkemas perancangan dan pengurusan sukan di sekolah agar minat dan penyertaan murid dalam kegiatan sukan dapat ditingkatkan.

# STRUKTUR SUKAN DI SEKOLAH

Setiap sekolah mesti mewujudkan budaya dan struktur sukan pada peringkat sekolah. Struktur sukan di sekolah adalah seperti berikut:

- Mengadakan/Menubuhkan majlis sukan sekolah. (Rujuk Lampiran 2 untuk cadangan struktur organisasi).
- Pasukan-pasukan rumah sukan (4 hingga 6 pasukan). (Rujuk Lampiran 3 untuk cara-cara mengagihkan pasukan rumah).
- Memasukkan semua program sukan dalam takwim sekolah.
- Sekiranya padang sekolah digunakan untuk mengadakan sukan sekolah, gelanggang pertandingan yang mengandungi balapan dan tempat pertandingan acara-acara padang

hendaklah disiapkan lebih awal untuk memberikan peluang kepada murid-murid menjalani latihan yang cukup. Persediaan ini dibuat pada awal tahun persekolahan atau disediakan sebelum penggal sekolah dibuka. (Rujuk Lampiran 4 untuk contoh trek).

## PERATURAN PERTANDINGAN

Setiap pertandingan yang akan dijalankan hendaklah dikawal oleh peraturan pertandingan. Maklumat pertandingan mesti mempunyai perkara-perkara berikut:
- Nama, tarikh dan tempat pertandingan/kejohanan.
- Kategori dan acara-acara yang dipertandingkan (timbangan alatan, ukuran dan jarak).
- Syarat-syarat penyertaan.
- Nombor peserta.
- Atur cara.
- Jadual pertandingan. (Rujuk Lampiran 5 untuk contoh jadual peraturan pertandingan).

## JAWATANKUASA KECIL (JKK) YANG PERLU DIWUJUDKAN

**(Cadangan ini bergantung pada kesesuaian dan keperluan)**
- Urus setia (3 orang).
- JKK Pertandingan dan Perangkaan (4 orang).
- JKK Teknik dan Peralatan (4 orang).
- JKK Kepegawaian (3 orang).
- JKK Kewangan dan Iklan (3 orang jika diperlukan).
- JKK Jemputan dan Sambutan (5 orang jika diperlukan).
- JKK Perasmian dan Penutupan (5 orang jika diperlukan).
- JKK Hiasan, Kebersihan dan Keceriaan (4 orang).
- JKK Pertolongan Cemas (2 orang).
- JKK Dokumentasi, Rakaman, Siar Raya dan Publisiti. (4 orang jika diperlukan).
- JKK Kawalan, Keselamatan dan Lalu Lintas (5 orang).
- JKK Hadiah, Sijil dan Cenderamata (5 orang).
- JKK Buku Cenderamata/Program (3 orang).
- JKK Minuman Pegawai/Pembantu Teknik dan Jamuan VIP (4 orang).
- JKK Lain mengikut keperluan seperti JKK Pengangkutan, Penginapan Atlet, Pegawai dan sebagainya.

### URUS SETIA

**Tanggungjawab urus setia ialah:**
- Mengurus surat pelantikan anggota jawatankuasa pengelola kejohanan.
- Mengurus surat-menyurat kepada pihak-pihak tertentu.
- Mengurus dan memanggil mesyuarat jawatankuasa pengelola.
- Mengedarkan segala maklumat mengenai kejohanan kepada semua yang berkenaan.
- Mengurus serta mengendalikan mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- Memohon tempahan kegunaan stadium/*venue* untuk kejohanan.

- Mengurus pesanan hadiah dan cenderamata.
- Menyediakan peralatan am selain peralatan teknikal.
- Mengurus dan menyediakan anggaran perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- Memanggil mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.
- Mengurus dan melaksanakan segala ketetapan jawatankuasa pengelola.
- Menyelaraskan tugas-tugas JKK yang lain.

## JKK PERTANDINGAN DAN PERANGKAAN

**Tanggungjawab JKK Pertandingan dan Perangkaan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:**

(a) *Sebelum Pertandingan*

(i) Menyemak dan mendapatkan pengesahan daripada urus setia mengenai peraturan-peraturan kejohanan.

(ii) Menyusun atur cara pertandingan:
- tarikh
- nombor acara
- masa
- acara
- bahagian umur
- peringkat pertandingan

(iii) Pengurusan rekod:
- Kejohanan
- Borang pendaftaran
- Borang pertandingan
- Buku pertandingan

(iv) Taklimat penyelarasan
- Memberikan taklimat dan penyelarasan tugas kerja kepada jawatankuasa pertandingan.

(v) Merekodkan borang pendaftaran:
- Memproses
- Menyemak
- Mengasingkan mengikut acara dan peringkat umur
- Menetapkan nombor peserta

(vi) Melaksanakan mesyuarat pengundian lorong:
- menentukan tempat
- acara
- menyediakan bahan-bahan undian
- alatan

(20 hari sebelum kejohanan)

(vii) Menyediakan buku rasmi pertandingan:
- nombor acara
- nama acara
- waktu
- ukuran alatan
- kedudukan lorong
- bilangan peserta pertandingan
- rekod-rekod kejohanan (sekolah/zon/daerah/negeri/kebangsaan)
  (Catatkan masa, jarak, pemegang rekod, zon, tempat dan tahun rekod dicipta)

(viii) Mendapatkan semua borang teknikal acara padang dan memasukkan semua peserta yang mengambil bahagian mengikut acara/kategori sebelum menyerahkannya kepada ketua bilik panggilan/penyelia peserta semasa pertandingan.

(ix) Memberi taklimat penyelarasan tugas bersama dengan jawatankuasa kecil:
- JKK Kepegawaian
- JKK Hadiah
- JKK Kemudahan Padang/Stadium
- jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan pada masa yang sesuai sebelum kejohanan.

(x) Pengurusan tempat pertandingan:
- menentukan dan menyesuaikan kemudahan di tempat pertandingan untuk melicinkan perjalanan pertandingan.
- masa.
- alatan dan bahan-bahan mengenai pertandingan untuk mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

(b) *Semasa Kejohanan*

(i) Menyediakan buku peserta
- susunan acara dan diserahkan kepada ketua bilik panggilan/penyelia peserta

(ii) Pengurusan keputusan pertandingan
- menerima
- mengeluarkan
- mengumpul
- menjilidkan
  (mengikut sesi dan hari dengan secukupnya dan mengedarkannya kepada pengurus-pengurus pasukan, bilik seranta, akhbar dan untuk simpanan)

(iii) Mengemas kini maklumat-maklumat berikut dari semasa ke semasa dan mengeluarkannya pada setiap akhir sesi/hari:
- analisis pungutan pingat mengikut kategori/keseluruhan
- analisis peserta yang telah memecahkan dan menyamai rekod-rekod kejohanan sekolah/negeri/kebangsaan
- calon peserta terbaik bagi tiap kumpulan umur

- calon peserta terbaik keseluruhan
- calon kategori yang lain

(iv) Pengurusan keputusan
- Mengedarkan naskhah buku atau CD-ROM keputusan rasmi lengkap kepada pengurus pasukan semasa penutupan rasmi.

*(c) Selepas Kejohanan*

(i) Mengumpulkan keputusan-keputusan lengkap dan menyerahkan kepada urus setia induk bagi penyediaan laporan tidak lewat daripada 1 minggu selepas kejohanan.

(ii) Mengemaskan dan memulangkan peralatan yang berkenaan.

(iii) Mengemas kini rekod kejohanan.

(iv) Tugas-tugas lain.

## JKK TEKNIK DAN PERALATAN

*(a) Sebelum Kejohanan*

(i) Peralatan:
- menyemak, menentukan ukuran, berat dan alat di stor sukan/stadium berada dalam keadaan baik, selamat digunakan dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan (Rujuk peraturan pertandingan)
- menyenaraikan dan mendapatkan peralatan sekiranya berlaku kekurangan/ kerosakan
- menyusun, menempatkan, menyenaraikan peralatan yang akan digunakan mengikut susunan acara tiga hari sebelum pertandingan dijalankan
- mengesahkan alatan persendirian peserta (sekiranya ada) seperti blok permulaan dan lombol bergalah mengikut piawaian pertandingan (atas permintaan)

(ii) Menyediakan pelan trek/*staggers*, gelanggang yang akan digunakan dan penerangan diberikan semasa taklimat pengurus pasukan.

(iii) Menyediakan dan melatih 40-60 orang murid (mengikut keperluan kejohanan) sebagai *quarter master* bagi membantu jawatankuasa ini mengikut giliran yang telah ditetapkan.

(iv) Mendapatkan, menyemak dan memastikan bahawa borang-borang teknikal yang diperlukan cukup.

*(b) Semasa kejohanan*

(i) Peralatan:
- mengeluarkan, menyediakan peralatan dan gelanggang yang akan digunakan mengikut susunan acara dan menyimpan peralatan semula. Wujudkan sistem keluar/masuk alatan
- mengadakan *score board* untuk semua acara padang

(ii) Menyediakan atau membuat semakan tempat bagi acara balapan dan padang serta menandakan kedudukan rekod-rekod kejohanan sekolah/negeri/kebangsaan/ ASEAN dan sebagainya.

(iii) Berhubung rapat dengan jawatankuasa pertandingan, pengurus kejohanan, pengurus teknik, referi-referi balapan, padang dan luar stadium bagi menentukan semua arena pertandingan disediakan dengan baik serta diterima sebagai satu kejohanan yang dijalankan mengikut peraturan-peraturan pertandingan.

(iv) Tugas-tugas lain yang berkaitan dan bertanggungjawab terhadap hal-hal teknik yang lain.

*(c) Selepas Kejohanan*

(i) Memastikan bahawa semua alatan yang digunakan sama ada dipinjam atau peralatan stadium telah diurus pemulangannya.

(ii) Perkara-perkara lain yang difikirkan perlu.

**JKK KEPEGAWAIAN**

(a) Mengenal pasti pegawai-pegawai teknikal yang bertauliah untuk lantikan pegawai kejohanan.

(b) Menentukan bilangan pegawai untuk kejohanan.

(c) Mengurus surat lantikan dan mendapatkan pengesahan bertulis daripada pegawai-pegawai petugas yang dicadangkan (selaras dengan urus setia).

(d) Menghubungi jawatankuasa penginapan untuk mengurus tempat penginapan pegawai (jika diperlukan).

(e) Mengagihkan tugas pegawai, ketua kumpulan, jadual tugas dan giliran tugas.

(f) Menyediakan jadual kedatangan pegawai-pegawai bertugas.

(g) Membuat pendaftaran tentang kehadiran pegawai-pegawai dan menjaga kebajikan mereka serta merekodkan jumlah sebenar hari bertugas setiap pegawai dalam kejohanan ini.

(h) Memastikan bahawa pegawai-pegawai yang bertugas memakai pakaian yang kemas sebagaimana yang diperlukan.

(i) Mengadakan taklimat pegawai sehari sebelum kejohanan bermula.

**JKK KEWANGAN**

(a) Menubuhkan Jawatankuasa Kecil Kewangan.

(b) Berusaha mendapatkan tajaan, derma dan iklan mengikut sasaran yang ditentukan.

(c) Bekerjasama dengan Jawatankuasa Kecil Buku Cenderamata dan bendahari untuk menyerahkan iklan kepada JKK Buku Cenderamata.

(d) Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.

(e) Menyediakan laporan kewangan kejohanan untuk makluman dan pengetahuan jawatankuasa pengelola.

(f) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan jawatankuasa pengelola.

## JKK JEMPUTAN DAN SAMBUTAN

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil jemputan dan sambutan.

(b) Mengurus jemputan kejohanan kepada semua sekolah dan agensi luar yang terlibat (jika ada).

(c) Menyambut tetamu khas serta jemputan-jemputan lain.

(d) Bertanggungjawab membantu urus setia menyusun atur cara sambutan VVIP semasa perasmian, penutupan dan jamuan rasmi.

(e) Protokol majlis:

- menyediakan, mengatur dan melabelkan tempat duduk VIP dan para jemputan semasa majis perasmian dan penutup kejohanan.

(f) Bekerjasama dengan jawatankuasa kecil perasmian/penutupan (contoh juruacara) dan jawatankuasa kecil jamuan dan minuman.

(g) Mendapatkan nasihat daripada bahagian/unit perhubungan/protokol jika diperlukan (rujuk lampiran).

(h) Menyusun tempat duduk para penerima anugerah semasa perasmian dan penutupan.

(i) Mendapatkan pembekal untuk menyediakan jamuan untuk VIP selepas majlis pembukaan dan penutupan rasmi.

(j) Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.

(k) Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.

(l) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan jawatankuasa pengelola.

## JKK PERASMIAN DAN PENUTUP

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil perasmian dan penutupan.

(b) Merancang dan menyusun atur cara perasmian pembukaan dan penutupan termasuk bacaan ikrar.

(c) Mengurus pasukan pancaragam sekolah atau persembahan padang untuk perasmian pembukaan dan penutupan.

(d) Menyediakan atur cara pentadbiran bagi majlis perasmian pembukaan dan penutupan untuk makluman serta pengetahuan pegawai-pegawai yang terlibat dan pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan.

(e) Bertanggungjawab terhadap susunan pasukan rumah/kontinjen dan segala kemudahan peralatan berkaitan dengan upacara perasmian pembukaan dan penutupan.

(f) Menyediakan juruacara (2 orang) untuk kedua-dua majlis.

(g) Mengadakan raptai pembukaan dan penutupan.

(h) Memberikan taklimat kepada semua pengurus pasukan tentang perasmian pembukaan dan penutupan semasa mesyuarat pengurus pasukan.

(i) Mengurus kontinjen-kontinjen dari tempat penginapan ke tempat upacara perasmian pembukaan dan penutupan.

(j) Mengadakan mesyuarat *post mortem* selepas kejohanan.

(k) Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.

(l) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan jawatankuasa pengelola.

## JKK HIASAN DAN KEBERSIHAN

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil hiasan dan kebersihan.

(b) Mengenal pasti murid/pekerja untuk membantu membersihkan tempat pertandingan termasuk gelanggang/tempat duduk peserta, tandas dan tempat-tempat lain setiap hari/ sesi.

(c) Melabel khemah-khemah kontinjen, juri, tempat hadiah, urus setia, bilik panggilan, tempat pegawai teknikal, tempat keputusan dan tempat-tempat lain yang difikirkan perlu.

(d) Bekerjasama dengan JKK Protokol/JKK Jemputan dan Sambutan untuk melabel tempat duduk/meja VVIP/VIP/kontinjen-kontinjen.

(e) Berhubung dengan pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan permaidani merah/pokok-pokok bunga/bahan-bahan lain untuk menghias tempat duduk VIP semasa kejohanan/ perasmian/penutup/jamuan mesyuarat.

(f) Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.

(g) Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.

(h) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan jawatankuasa pengelola.

## JKK PERTOLONGAN CEMAS

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil pertolongan cemas.

(b) Mendapatkan anggota-anggota Persatuan St. John Ambulans/Bulan Sabit Merah untuk bertugas di stadium sepanjang kejohanan.

(c) Memastikan bahawa terdapat seorang pegawai perubatan yang bertauliah untuk bertugas.

(d) Mendapatkan khidmat sebuah ambulans dan bersedia di tempat pertandingan sepanjang kejohanan.

(e) Memaklumkan hospital/klinik berdekatan untuk bersedia dan memberi keutamaan dari segi rawatan sekiranya diperlukan.

(f) Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.

(g) Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.

(h) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan jawatankuasa pengelola.

## JKK DOKUMENTASI, RAKAMAN, SIARAYA DAN PUBLISITI

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil dokumentasi, rakaman, siar raya dan publisiti.

(b) Membuat rakaman kejohanan, perasmian pembukaan dan penutupan dalam bentuk video dan gambar untuk didokumentasikan.

(c) Menyediakan sistem siar raya.

(d) Memaklumkan pihak penerangan untuk hebahan atau menggunakan sepanduk/surat siaran untuk menyiarkan kejohanan kepada orang ramai (perlu mendapatkan kebenaran majlis tempatan).

(e) Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.

(f) Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.

(g) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan Jawatankuasa Pengelola.

## JKK KAWALAN, KESELAMATAN DAN LALU LINTAS

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil kawalan, keselamatan dan lalu lintas.

(i) Kawalan dan Keselamatan:

- menasihati guru pasukan tentang keselamatan barang-barang milik atlet-atlet di kawasan khemah peserta.
- mengawasi pintu-pintu masuk ke pentas utama, tempat peserta dan tempat hadiah.
- memastikan bahawa hanya orang tertentu sahaja yang dibenarkan ke dalam arena pertandingan.
- mendapatkan kerjasama daripada pihak polis berhubung dengan lalu lintas dan keselamatan sepanjang kejohanan khasnya di tempat duduk penonton.
- mengawal keselamatan semasa rehat antara sesi pagi dengan petang.

(ii) Lalu Lintas:

- Mengawal tempat letak kereta terutama sekali semasa pembukaan dan penutupan. Tentukan tempat letak kereta VVIP/VIP/jemputan/kontinjen.
- Menyediakan pelekat letak kereta untuk diedarkan kepada mereka yang terlibat.
- Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.
- Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.
- Mengurus dan melaksanakan segala keputusan Jawatankuasa Pengelola.

## JKK HADIAH DAN CENDERAMATA

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil hadiah dan cenderamata.

(b) Menerima, menyemak dan memastikan bahawa bilangan hadiah yang diterima menepati senarai acara kejohanan daripada pembekal sebelum kejohanan.

(c) Menentukan murid/guru bertugas pada tiap-tiap sesi kejohanan untuk penyampaian hadiah.

(d) Menyediakan selingan muzik semasa upacara penyampaian hadiah.

(e) Bekerjasama dengan pengurus kejohanan untuk menentukan masa dan waktu penyampaian hadiah.

(f) Mengadakan satu sistem yang membolehkan pemenang-pemenang untuk berkumpul bagi menerima hadiah mereka.

(g) Menyediakan cenderamata untuk penyampai hadiah (jika perlu).

(h) Menyediakan cenderamata untuk diberikan kepada ketua kontinjen semasa upacara perasmian.

(i) Mengurus penyampaian cenderamata kepada VVIP semasa perasmian dan penutupan.

(j) Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.

(k) Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.

(l) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan jawatankuasa pengelola.

## JKK BUKU CENDERAMATA

(a) Menubuhkan jawatankuasa kecil buku cenderamata.

(b) Mendapatkan sekurang-kurangnya tiga sebut harga syarikat percetakan untuk mencetak buku cenderamata.

(c) Menentukan tarikh bagi mendapatkan semua bahan kandungan buku cenderamata daripada semua jawatankuasa kecil dan seterusnya berurusan dengan syarikat percetakan yang dipilih.

(d) Berhubung dengan urus setia untuk mendapatkan iklan yang akan dimasukkan dalam buku tersebut.

(e) Memastikan bahawa buku cenderamata siap dicetak dan diedarkan sebelum kejohanan.

(f) Mengedarkan buku-buku cenderamata dan buku program di tempat yang akan digunakan.

(g) Bekerjasama dengan JKK lain yang berkaitan dengan buku cenderamata.

(h) Mengadakan mesyuarat *post-mortem* selepas kejohanan.

(i) Menyediakan laporan untuk mesyuarat *post-mortem*.

(j) Mengurus dan melaksanakan segala keputusan jawatankuasa pengelola.

# ACARA-ACARA YANG DICADANGKAN UNTUK SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH

| Acara | Kumpulan Umur | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | L18 | L15 | L12 | L10 | P18 | P15 | P12 | P10 |
| 80 m | | | X | X | | | X | X |
| 100 m | X | X | | | X | X | | |
| 200 m | X | X | X | | X | X | X | |
| 400 m | X | X | | | X | X | | |
| 800 m | X | X | | | X | X | | |
| 1500 m | X | X | | | X | X | | |
| 3000 m (Terbuka) | | | | | Terbuka | | | |
| 5000 m (Terbuka) | Terbuka | | | | | | | |
| 80 m Lari Berpagar (0.762 m) (Jarak pagar 12 m/8 m/ 12 m) | | | X | | | | X | |
| 100 m Lari Berpagar (0.838 m) (Jarak pagar 13 m /8.5 m /10.5 m) | | | | | X | X | | |
| 110 m Lari Berpagar (0.991 m/ 0.914 m) (Jarak pagar 13.72 m /9.14 m/ 14.02 m) | X | X | | | | | | |
| 200 m Lari Berpagar (0.914 m/ 0.762 m) (Jarak pagar 16 m /19 m / 13 m) | | X | | | | X | | |
| 400 m Lari Berpagar (0.914 m/ 0.762 m) (Jarak pagar 45 m / 35 m/ 40 m) | X | | | | X | | | |
| 3000 m Lari Berhalangan | X | | | | | | | |
| 2000 m Lari Berhalangan | | X | | | | | | |
| 5000 m Berjalan Kaki | | X | | | X | | | |

(*sambungan muka surat sebelah*)

| **Acara** | **Kumpulan Umur** | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **L18** | **L15** | **L12** | **L10** | **P18** | **P15** | **P12** | **P10** |
| 2000 m Berjalan Kaki | | | X | | | | X | |
| 3000 m Berjalan Kaki | | | | | | X | | |
| 10 000 m Berjalan Kaki | X | | | | | | | |
| Lompat Tinggi | X | X | X | X | X | X | X | X |
| Lompat Jauh | X | X | X | | X | X | X | |
| Lompat Kijang | X | X | | | X | X | | |
| Lombol Bergalah (Terbuka) | X | | | | X | | | |
| Melontar Peluru | X<br>5.45 kg | X<br>4.55 kg | X<br>2.72 kg | X<br>2.72 kg | X<br>4 kg | X<br>4 kg | X<br>2.72 kg | X<br>2.72 kg |
| Melempar Cakera | X<br>1.5 kg | X<br>1 kg | | | X<br>1 kg | X<br>1 kg | | |
| Merejam Lembing | X<br>700g | X<br>600g | | | X<br>600g | X<br>600g | | |
| Membaling Tukul Besi (Terbuka) | X<br>5.45 kg | | | | X<br>4 kg | | | |
| 4 × 100 m | X | X | X | | X | X | X | |
| 4 × 200 m | | | X | | | | X | |
| 4 × 400 m | X | X | | | X | X | | |
| Pentatlon (Terbuka) | | | | | X | | | |
| Heptatlon (Terbuka) | X | | | | | | | |
| Lompat Jauh Berdiri | | | | X | | | | X |
| Lari Berganti-ganti (Ulang-alik 50 m ) | | | X | | | | | X |

# BILANGAN PEGAWAI TEKNIK YANG DIPERLUKAN

Bilangan pegawai teknik yang diperlukan sebanyak 100 hingga 120 orang. Jumlah ini bergantung pada keperluan dari segi bilangan acara dan hari pertandingan. Yang berikut ialah tugas pegawai dan jumlah bilangan yang diperlukan.

| Bil. | Pegawai | Bilangan |
|---|---|---|
| 1. | Juri | 3-5 orang |
| 2. | Pengurus pertandingan | 1 orang |
| 3. | Penolong pengurus pertandingan | 2-4 orang |
| 4. | Pengurus teknik | 1 orang |
| 5. | Penolong pengurus teknik | 4-6 orang |
| 6. | Referi balapan | 1-2 orang |
| 7. | Referi lompatan | 1-2 orang |
| 8. | Referi lontaran | 1-2 orang |
| 9. | Referi acara campuran | 1-2 orang (jika ada) |
| 10. | Referi bilik panggilan | 1 orang |
| 11. | Ketua hakim balapan | 1-2 orang |
| 12. | Ketua hakim lompatan | 1-2 orang |
| 13. | Ketua hakim lontaran | 1-2 orang |
| 14. | Ketua hakim acara campuran | 1 orang (jika ada) |
| 15. | Ketua hakim bilik panggilan | 1 orang |
| 16. | Ketua penjaga masa | 1-2 orang |
| 17. | Ketua pengadil | 1-2 orang |
| 18. | Penyelaras pelepasan | 1 orang |
| 19. | Setiausaha pertandingan | 1 orang |
| 20. | Hakim balapan * | 8 orang |
| 21. | Penjaga masa * | 12-16 orang |
| 22. | Pengadil/pencatat pusingan | 8-12 orang |
| 23. | Pelepas | 2-4 orang |
| 24. | Ketua penolong pelepas | 1-2 orang |
| 25. | Penolong pelepas | 4-8 orang |
| 26. | Hakim lompatan * | 10-12 orang |
| 27. | Hakim lontaran * | 10-1 orang |
| 28. | Hakim bilik panggilan | 4 orang |
| 29. | Juruhebah | 2-4 orang |

| Bil. | Pegawai | Bilangan |
|---|---|---|
| 30. | Pegawai statistik | 2-6 orang |
| 31 | Marsyal (pengawas) | 2-4 orang |
| 32. | Penyelaras upacara penyampaian hadiah | 1 orang |
| 33. | Hakim acara jalan kaki | 6-9 orang |
| 34. | Pegawai alat penyukat angin | 1-4 orang |

**Jika alat photo finish dan alat pengukur digunakan (jika perlu):**

| | | |
|---|---|---|
| 35. | Ketua hakim *photo finish* | 1 orang |
| 36. | Hakim *photo finish* | 3-5 orang |
| 37. | Hakim pengukur acara padang | 4-6 orang |
| 33. | Hakim acara jalan kaki | 6-9 orang |
| 34. | Pegawai alat penyukat angin | 1-4 orang |

* Jika alat elektronik digunakan, bilangan pegawai ini boleh dikurangkan.

***(Pegawai dan bilangan tersebut adalah cadangan sahaja. Pihak pengelola boleh mengubah suai mengikut tahap dan keperluan pengelolaan mereka. Untuk sukan peringkat sekolah adalah bergantung kepada keperluan kejohanan)***

## BILANGAN PEMBANTU TEKNIK (MURID)

Bilangan pembantu teknik (murid) yang diperlukan bagi setiap sesi adalah sebanyak 40 hingga 60 orang murid. Jumlah ini bergantung pada keperluan dari kesesuaian.

## JENIS DAN BILANGAN PERALATAN YANG DIPERLUKAN

Terdapat pelbagai jenis peralatan yang diperlukan dalam sukan olahraga. Hal tersebut disusun berdasarkan jadual di bawah.

| Bil | Peralatan | Ukuran | Bil. yang diperlukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Peluru 12 L/P | 2.72 kg | 3 unit |
| 2. | Peluru 15P dan 18P | 4.00 kg | 3 unit |
| 3. | Peluru 15L | 4.55 kg | 3 unit |
| 4. | Peluru 18L | 5.45 kg | 3 unit |
| 5 | Tukul Besi P (T) | 4.00 kg | 3 unit |
| 6 | Tukul Besi L (T) | 5.45 kg | 3 unit |
| 7. | Cakera 15L/P dan 18P | 1.00 kg | 3 unit |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8. | Cakera 18L | 1.5 kg | 3 unit |
| 9. | Lembing 15L/P dan 18P | 600 g | 3 unit |
| 10. | Lembing 18L | 700 g | 3 unit |
| 11. | Pagar untuk Lari Berpagar | - | 85-90 unit |
| 12. | Troli untuk pagar | - | 2 unit |
| 13. | Troli serba guna | - | 2 unit |
| 14. | Tiang Lompat Tinggi | - | 2 set |
| 15. | Palang untuk Lompat Tinggi | - | 2-5 unit |
| 16. | Blok Permulaan | - | 10 unit |
| 17 | Kotak untuk permulaan (lorong) | - | 2 set (8 unit satu set) |
| 18. | Bendera kecil (Merah dan Putih) | - | 12 pasang |
| 19. | Bendera kecil (Kuning dan Putih) | - | 20 pasang |
| 20. | Pita ukur | 3 m | 2 unit |
| 21. | Pita ukur | 5 m | 2 unit |
| 22. | Pita ukur | 30 m | 3 unit |
| 23. | Pita ukur | 50 m | 3 unit |
| 24 | Pita ukur | 100 m | 2 unit |
| 25. | Loceng (untuk menandakan pusingan terakhir) | - | 1 unit |
| 26. | Papan pengira pusingan (lap counter) | 25 lap | 1 set |
| 27. | Bateri untuk siren (jika perlu) | - | 2 unit |
| 28 | Siren dan lampu isyarat | - | 1 unit |
| 29. | Penyukat kelajuan angin (wind gauge) | - | 3 unit |
| 30. | Bangku panjang | - | 20 unit |
| 31. | Tiang lombol bergalah | - | 1 set |
| 32. | Palang untuk lombol bergalah | - | 2-6 batang |
| 33. | Tangga aluminium | - | 1 unit |
| 34. | Galah untuk mengangkat palang | - | 2 unit |
| 35. | Pagar untuk Lari Berhalangan | - | 4 unit |
| 36. | Tempat air untuk Lari Berhalangan | - | 1 unit |
| 37. | Bendera untuk dipacak di tempat memotong 800m | merah | 2 unit |
| 38. | Tangga tempat duduk hakim dan penjaga masa | - | 2 unit |
| 39. | Tempat berdiri untuk pelepas | - | 1-2 unit |
| 40. | Papan menembak untuk pelepas | hitam | 1-2 unit |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 41. | Tiang penamat | - | 1 pasang |
| 42. | *Air horn* (memberikan isyarat untuk lompat acara | | |
| | lompat jauh dan lompat kijang | - | 3 unit |
| 43. | Kerusi biasa | - | 50 unit |
| 44. | Rostrum pemenang | - | 1 unit |
| 45. | Papan notis | - | 2 unit |
| 46. | Kanister air | - | 8 unit |
| 47. | Bilik urus setia | - | 1 unit |
| 48. | *Extension wire* | - | 2 unit |
| 49. | Mikrofon (mengikut keperluan) | - | 3 unit |
| 50. | Megaphone | - | 3 unit |
| 51. | Meja panjang | - | 7 unit |
| 52. | Papan putih (*White board*) | - | 3 unit |
| 53 | Kanopi untuk kontinjen (mengikut keperluan) | - | 15 unit |
| 54. | Kanopi untuk arena pertandingan (kecil) | - | 6 unit |
| 55. | Payung besar | - | 10 unit |
| 56. | Tangga penjaga masa dan hakim | - | 2 unit |
| 57. | Besi untuk ukuran lompat jauh/kijang | - | 3 unit |
| 58. | Perata pasir untuk lompat jauh/kijang | - | 3 unit |
| 59. | Papan lonjat (kijang/jauh) | - | 2 unit |
| 60. | Kurungan Keselamatan (*Cage*) untuk melempar | | |
| | cakera/tukul besi | - | 1 unit |
| 61. | Alatan lombol bergalah | - | 1 set |
| 62. | Pagar untuk acara Lari Berhalangan | - | 1 set |
| 63. | Baton | - | 10 unit |
| 64. | Alatan *photo finish/EDM* | - | 1 set |
| 65. | Jam randik | - | 25 unit |
| 65. | Jam randik | - | 25 unit |
| 66. | Sarung angin (*windsock*) | - | 1 unit |
| 67. | Papan tanda untuk hakim jalan kaki | - | 1 set |
| 68. | Bakul untuk letak alatan | - | 10 unit |
| 69. | Bakul untuk letak pakaian atlet | - | 24 unit |
| 70. | Besi *spikes* untuk tanda acara padang | - | 10 unit |
| 71. | Kain buruk untuk lap alatan balingan | - | Secukupnya |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 72. | Penyapu | - | 3 unit |
| 73. | Papan plastisin untuk lompat jauh/kijang | - | 4 unit |
| 74. | Resin untuk acara lontaran | - | Secukupnya |
| 75. | Cangkul, penyedok dan perata pasir | - | 2 unit kesemuanya |
| 76. | *Caution tape* (merah putih) | - | 5 gulung |
| 77. | *Masking tape* (kertas) 1 inci | - | 2 gulung |
| 78. | *Masking tape* (kertas) 2 inci | - | 10 gulung |
| 79. | *Tape* sektor untuk acara padang (plastik) - putih | - | 6-8 gulung besar |
| 80. | *Tape* sektor untuk tanda rekod (plastik) - kuning | - | 3 gulung |
| 81. | Penanda rekod (skitel/kotak/prisma) | - | 6-12 unit |
| 82. | Papan klip | - | 20 unit |
| 83. | Komputer riba | - | 3 unit |
| 84. | Mesin fotostat | - | 1 unit |
| 85. | Pistol pelepas | - | 3 unit |
| 86. | Peluru untuk pistol pelepas | - | 300 butir |
| 87. | Papan dan tangga pelepas | - | 2 set |
| 88. | Pencetak laser | - | 3 unit |

***Nota:*** *Alatan di atas bergantung pada peringkat pengelolaan dan keperluan masing-masing.*

## PERALATAN DAN KEMUDAHAN ACARA BALAPAN

Secara amnya, peralatan dan kemudahan acara balapan adalah seperti berikut:

(i) Bendul balapan (untuk menanda garisan sebelah kiri lorong satu).

(ii) Tanda tangga hakim.

(iii) Tanda tangga penjaga masa.

(iv) Kerusi dan meja untuk perakam di tempat hakim dan penjaga masa.

(v) 16-20 buah jam randik.

(vi) Hon dan lampu isyarat.

(vii) Tempat tiang pusingan dan loceng (acara 800 m ke atas).

(viii) Tangga dan papan untuk pelepas.

(ix) *Loud hailer*/alat sistem siar raya untuk pelepas.

(x) Kotak lorong (2 set jika perlu).

(xi) Alat-alat untuk menandakan salah mula.

(xii) Papan klip untuk borang-borang.

(xiii) Bendera untuk pengadil (kuning/putih).

(xiv) Bendera merah untuk menandakan tempat memotong 800 m/4×400 m / 4×200 m (*break line*).

(xv) Kon atau prisma kecil dengan ketinggian tidak melebihi 15 cm.

(xvi) (8-10 unit).

(xvii) Bangku untuk pengadil.

(xviii) Bangku panjang untuk pencatat pusingan.

(xix) Kad merah dan kuning untuk referi.

(xx) Penyapu, kain buruk, bakul sampah.

(xxi) Bakul untuk pakaian peserta (individu).

(xxii) Kad merah, kuning dan hijau untuk pelepas/penolong pelepas.

***Nota:*** *Sekiranya alat foto penamat digunakan, sediakan tempat yang sesuai.*

## KHUSUS UNTUK ACARA TERTENTU

(a) Acara 400 m dan ke bawah (termasuk 4 × 100 m, 4 × 200 m dan 4 × 400 m):

- (i) Blok mula (8 hingga 10 set).
- (ii) Sekiranya alat foto penamat digunakan, sediakan juga alat salah mula.
- (iii) Alat penyukat angin untuk acara 100 m, 200 m dan 100 m/110 m/200 m lari berpagar.

(b) Acara 5000 m, 5000 m Jalan Kaki dan 10 000 m Jalan Kaki:

- (i) Bekas air dan air.
- (ii) Cawan kertas.
- (iii) Span (*sponge*).
- (iv) Meja.

(c) Acara Lari Berganti-ganti

- (i) Baton (8-10 set).
- (ii) *Masking tape* untuk ketua pengadil (digunakan sebagai penanda semasa lari berganti-ganti).

(d) Acara Lari Berpagar

- (i) 80 hingga 100 set pagar yang ketinggiannya dan pemberat yang telah ditetapkan boleh diubah.
- (ii) Troli pagar yang cukup.

(e) Acara Berjalan Kaki

- (i) Kad merah untuk hakim acara berjalan kaki.
- (ii) Papan amaran (*white board*), *posting board* (papan bilangan amaran) dan *marker pen*.
- (iii) *Paddle* amaran hakim acara berjalan kaki.

(f) Acara Lari Berhalangan

- (i) 3 pagar acara lari berhalangan yang mempunyai lebar 3.96 m.
- (ii) 1 pagar acara lari berhalangan yang mempunyai lebar 5 m.
- (iii) 1 pagar di halangan air.
- (iv) Kon atau prisma untuk menandakan pertukaran laluan.
- (v) Penyediaan air di tempat lompatan air.

(g) Kad-kad Teknikal Balapan (rujuk Lampiran 6)

- (i) Ketua hakim (borang keputusan rasmi).
- (ii) Hakim.
- (iii) Ketua penjaga masa.
- (iv) Penjaga masa.
- (v) Pengadil.
- (vi) Pencatat pusingan.
- (vii) Borang sukatan angin.
- (viii) Hakim bilik panggilan.
- (ix) Hakim acara berjalan kaki.
- (x) Borang bantahan (digunakan pada semua acara).
- (xi) Borang pendaftaran acara lari berganti-ganti.

**Nota:** *Bilangan kad mesti disediakan dengan secukupnya dan bergantung kepada keperluan acara. Tanggungjawab diserahkan kepada pengelola untuk menyediakannya.*

## PERALATAN DAN KEMUDAHAN ACARA PADANG

(a) Acara Lontar Peluru

(i) Sekurang-kurangnya 2 biji peluru bagi setiap acara:

| Kelas | Berat Peluru |
|---|---|
| MSSM bawah 12 tahun lelaki/perempuan | 2.72 kg |
| MSSM bawah 18 dan 15 tahun perempuan | 4.00 kg |
| MSSM bawah 15 tahun lelaki | 4.55 kg |
| MSSM bawah 18 tahun lelaki | 5.45 kg |

(ii) Pita pengukur 30 m atau EDM (alat pengukur elektronik).

(iii) Besi penanda.

(iv) Tiga set bendera merah dan putih.

(v) Satu set bendera kuning.

(vi) Jam randik.

(vii Kad teknikal dan papan klip (2 set).

(viii) *Air-horn* atau alat yang sesuai.

(ix) *Resin powder* untuk membantu genggaman.

(x) Pita sektor balingan atau garisan.

(xi) Tempat menyimpan atau rak peluru.

(xii) Tuala atau kain untuk mengeringkan/membersihkan peluru.

(xiii) Kerusi, meja dan tempat khemah/payung.

(xiv) Bangku panjang dan khemah/payung untuk peserta.

(xv) Papan skor.

(xvi) Penyapu, berus, kain buruk, guni, dan bakul sampah.

(xvii) Air minuman dan cawan kertas.

(xviii) Penanda untuk peserta.

(xix) Penanda jarak dan rekod.

(b) Acara Melempar Cakera

| **Kelas** | **Berat cakera** |
|---|---|
| MSSM bawah 15 tahun lelaki | 2.72 kg |
| MSSM bawah 18 dan 15 tahun perempuan | 1 kg |
| MSSM bawah 18 tahun lelaki | 1.5 kg |

(i) Sekurang-kurangnya 2 biji cakera bagi setiap acara.

(ii) Pita ukur 50 m hingga 100 m atau EDM (alat pengukur elektronik).

(iii) Sila rujuk ukuran, sektor, alatan, dan trek (Lampiran 4).

(iv) Sarung angin.

(c) Acara Merejam Lembing

| **Kelas** | **Berat Lembing** |
|---|---|
| MSSM bawah 15 tahun lelaki | 2.72 kg |
| MSSM bawah 18 dan 15 tahun perempuan | 600 g |
| MSSM bawah 18 lelaki | 700 g |

(i) Sekurang-kurangnya 2 batang lembing bagi setiap acara.

(ii) Pita ukur 50 m atau 100 m atau EDM (alat pengukur elektronik).

(iii) Penanda.

(iv) Sarung angin (*wind sock*).

(v) Sila rujuk ukuran, sektor, alatan, dan trek (Lampiran 4).

(d) Acara Lompat Tinggi

(i) Tiang.

(ii) Palang 3.98-4.02 m (pastikan bahawa palang simpanan disediakan).

(iii) Tilam (sekurang-kurangnya 3 m × 5 m).

(iv) Pita ukur 3 m atau 5 m atau bar pengukur (atau EDM).

(v) Dua set bendera merah dan putih.

(vi) Satu set bendera kuning.

(vii) Jam randik atau countdown clock.

(viii) Penanda.

(ix) Dua set kad teknikal dan papan klip.

(x) Penimbang air.

(xi) Sarung angin (wind sock).

(xii) Kerusi, meja dan khemah/payung.

(xiii) Bangku panjang dan khemah/payung untuk peserta.

(xiv) Papan skor.

(xv) Penyapu, berus, kain buruk, guni, dan bakul sampah.

(xvi) Air minuman dan cawan kertas.

(e) Acara Lombol Bergalah

(i) Pita ukur 10 m atau EDM (alat pengukur elektronik).

(ii) Dua buah tangga berukuran 5m.

(iii) Dua batang galah untuk mengangkat palang.

(iv) Dua set bendera merah dan putih.

(v) Satu set bendera kuning.

(vi) Jam randik atau *countdown clock*.

(vii) Penanda.

(viii) Kad teknikal.

(ix) Penimbang air.

(x) Sarung angin (*wind sock*).

(xi) Kerusi, meja dan khemah/payung.

(xii) Bangku panjang dan khemah/payung untuk peserta.

(xiii) Papan skor.

(xiv) Papan klip pegawai.

(xv) Penyapu, berus, kain buruk, guni, dan bakul sampah.

(xvi) Air minuman dan cawan kertas.

(f) Acara Lompat Jauh

(i) Pita ukur 20 m atau EDM (alat pengukur elektronik).
(ii) Papan plastisin (pastikan papan simpanan disediakan).
(iii) Plastisin perata dan sudip untuk plastisin.
(iv) Alat penyukat angin.
(v) Alat perata pasir (cangkul dan perata).
(vi) Dua set bendera merah dan putih.
(vii) Satu set bendera kuning.
(viii) Penanda papan lonjak (*take-off board indicator*).
(ix) Bangku pendek untuk hakim *take-off*.
(x) Kerusi, meja dan peneduh.
(xi) Bangku panjang dan peneduh untuk peserta.
(xii) Papan skor.
(xiii) Papan klip pegawai.
(xiv) Penyapu, berus dan bakul sampah.
(xv) Air minuman dan cawan kertas.
(xvi) Penanda jarak.
(xvii) Besi penanda.

(g) Acara Lompat Kijang

(i) Pita ukur 20 m atau EDM.
(ii) Papan plastisin (pastikan papan simpanan disediakan).
(iii) Plastisin.
(iv) Perata dan sudip untuk plastisin.
(v) Alat penyukat angin.
(vi) Alat perata pasir (cangkul dan perata).
(vii) Dua set bendera merah dan putih.
(viii) Satu set bendera kuning.
(ix) Penanda papan lonjak (*take-off board indicator*).
(x) Bangku pendek untuk hakim *take-off*.
(xi) Kerusi, meja dan berteduh.

(xii) Bangku panjang dan peneduh untuk peserta.

(xiii) Papan skor.

(xiv) Papan klip pegawai.

(xv) Penyapu, berus dan bakul sampah.

(xvi) Air minuman dan cawan.

(xvii) Besi penanda.

(h) Acara Baling Tukul Besi

Sekurang-kurangnya 2 biji tukul besi bagi setiap acara seperti berikut:

| Kelas | Berat Baling Tukul Besi |
|---|---|
| MSSM perempuan terbuka | 4.00 kg |
| MSSM lelaki terbuka | 5.45 kg |

(i) Pita ukur 50 m hingga 100 m atau EDM (alat pengukur elektronik).

(ii) Sila rujuk ukuran, sektor, alatan, dan trek (lampiran 4).

(iii) Kurungan keselamatan.

# PROTOKOL MAJLIS PEMBUKAAN/PENUTUPAN RASMI KEJOHANAN

- Semua kontinjen yang menyertai kejohanan dikehendaki mengambil bahagian dalam perbarisan untuk pembukaan rasmi dan penutupan kejohanan. Biasanya perbarisan diketuai oleh pancaragam sekolah atau muzik yang dimainkan melalui cakera padat.
- Dicadangkan setiap kontinjen mempunyai 3 orang sebaris dan bilangan maksimum setiap kontinjen bergantung pada ketetapan jawatankuasa pengelola (minimum 12 orang atlet + 2 orang guru + seorang ketua). Pakaian setiap anggota pasukan rumah hendaklah seragam dan kemas.
- Kedudukan pengurus pasukan, guru, pembawa bendera dan atlet adalah seperti rajah berikut:



- Semua kontinjen akan berkumpul menghadap pentas tetamu kehormat di hadapan astaka seperti yang berikut:




Semasa pembacaan ikrar oleh wakil peserta, kedudukan pembawa bendera setiap kontinjen adalah seperti berikut:




(Semasa pembacaan ikrar, semua bendera yang dibawa oleh ketua pasukan mesti diturunkan seperti rajah di atas).

- Raptai pembukaan, penutupan, perbarisan, dan penyampaian hadiah perlu diadakan sebelum hari sukan.

- Bagi memeriahkan upacara perbarisan sukan sekolah, pertandingan perbarisan dicadangkan. (Rujuk Lampiran 7 untuk atur cara majlis pembukaan dan penutupan)

## JEMPUTAN TETAMU KEHORMAT

- Sekiranya Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Pembesar Negeri dijemput untuk merasmikan kejohanan, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian Protokol Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri perlu dimaklumkan. Contoh surat jemputan dilampirkan (Rujuk Lampiran 8).

## MESYUARAT POST-MORTEM

- Mesyuarat ini adalah penting untuk membincangkan kelemahan dan kekuatan pengelolaan sebelum, semasa dan selepas untuk penambahbaikan dan pelaksanaan kejohanan yang berikutnya.

# PEMBINAAN BALAPAN OLAHRAGA

## KEPERLUAN AWAL

(a) Tetapkan keluasan padang untuk menentukan:

- Balapan 400 meter dengan 8 lorong atau 6 lorong atau 4 lorong
- Balapan 300 meter dengan 8 lorong atau 6 lorong atau 4 lorong
- Balapan 200 meter dengan 8 lorong atau 6 lorong atau 4 lorong
- Balapan 150 meter dengan 8 lorong atau 6 lorong atau 4 lorong




Contoh sebuah padang

(b) Keluasan sebenar padang dan keupayaan lorong.

| BALAPAN | JUMLAH LORONG | KELUASAN |
|---|---|---|
| 400 meter | 8 | > 16 804.17 $m^2$ |
| | 6 | > 15 482.82 $m^2$ |
| | 4 | > 14 211.47 $m^2$ |
| 300 meter | 8 | > 10 248.86 $m^2$ |
| | 6 | > 9219.36 $m^2$ |
| | 4 | > 8239.86 $m^2$ |
| 200 meter | 8 | > 5448.86 $m^2$ |
| | 6 | > 4710.18 $m^2$ |
| | 4 | > 4021.68 $m^2$ |
| 150 meter | 8 | > 3548.16 $m^2$ |
| | 6 | > 3042.86 $m^2$ |
| | 4 | > 2504.17 $m^2$ |
| | 4 | > 2504.17 $m^2$ |

(c) Pelan balapan hendaklah mengikut ukuran yang telah dipilih berdasarkan keupayaan padang.

**Panjang padang = x meter**
**Lebar padang = y meter**
**Jumlah lorong = 8/6/4 lorong**
**Lebar lorong = 1.21 m – 1.23 m**
**Lebar/Tebal garisan = 5 cm**

**KEPERLUAN ALATAN**

(a) 15 batang besi penanda.

(b) Pita ukur (*fibre glass* tahan panas) berukuran 100 m.

(c) Pita ukur (*steel*) berukuran 50 m.

